

MEMO



UNIT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN

RUJUKAN : PSIS/600-2/10 Jld.2 (24)	Tarikh : 2 JULAI 2020
Perkara	PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN SESI JUN 2020 BAGI PELAJAR SENIOR
Kepada	PELAJAR POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
Daripada	PENGARAH <div style="margin-left: 20px;"> s.k.: 1) TPSA 2) KJ JPPPel 3) KUPKPel 4) Pengurus Kolej Kediaman 5) Ketua Felo 6) Pengawal Keselamatan </div>

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sesi pendaftaran masuk Kolej Kediaman Politeknik Sultan Idris Shah bagi pelajar senior akan dilaksanakan pada 8 dan 9 Ogos 2020. Pelajar yang telah ditawarkan kolej kediaman adalah diwajibkan hadir mengikut jadual yang telah ditetapkan.
3. Sehubungan itu, maklumat berkaitan pembayaran yuran perlulah dirujuk di laman sesawang Politeknik Sultan Idris Shah. Pelajar diingatkan untuk mematuhi tarikh dan masa pendaftaran yang telah ditetapkan supaya proses pendaftaran dapat berjalan dengan lancar.

“Pelajar yang ditawarkan kolej kediaman tetapi gagal menghadirkan diri semasa hari pendaftaran tanpa sebab yang munasabah boleh digugurkan kelayakannya” [14.14-BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM, PSIS]

4. Bagi pelajar yang telah berjaya ditawarkan kolej kediaman, butiran pendaftaran adalah seperti berikut:

Tarikh	: 08/08/2020 (Sabtu) - pelajar semester 5 dan keatas 09/08/2020 (Ahad) - semester 4 dan permohonan khas.
Masa	: 9.00 pagi hingga 3.00 petang
Pakaian	: Formal


5. Pelajar dikehendaki mematuhi Garis Panduan Pendaftaran Kolej KEdiaman sebagaimana di Lampiran 1. Sekiranya terdapat sebarang kemosykilan berkaitan perkara diatas, pertanyaan boleh diajukan kepada Pejabat Kolej Kediaman di talian 03-3280 6200 ext. 6285/6382/6283.

6. Kerjasama dan perhatian semua pelajar adalah amat dihargai untuk mematuhi semua ketetapan seperti diatas bagi memastikan keselamatan semua pihak dalam usaha untuk menghadapi ancaman wabak Covid '19.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ISHANUDDIN BIN HUSSIN)

Samb. : 6201

E-mel : ishanuddin@psis.edu.my

LAMPIRAN 1

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

Pelajar perlu mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak Politeknik, KPT selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Urusan pendaftaran kolej kediaman pelajar senior dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.

SEBELUM

1. Pelajar perlu hadir sendiri mengikut jadual ditetapkan;
2. Hanya pelajar dan seorang (1) waris sahaja dibenarkan berada di kawasan politeknik;
3. Penghuni dan waris yang hadir digalakkan memakai pelitup muka;
4. Pelajar dan waris perlu memastikan tidak mempunyai gejala Covid-19 seperti demam, batuk, selsema dan sesak nafas sebelum hadir ke politeknik;
5. Membawa
 - a. Kad Pelajar
 - b. Surat Tawaran Kolej Kediaman
 - c. Slip bayaran yuran kolej kediaman (RM60)
 - d. Kunci bilik (bagi penghuni yang belum menyerahkan kunci)
 - e. Mengisi borang saringan kesihatan
6. Membawa barang keperluan secukupnya.
7. Pelajar perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera.


SEMASA

8. Penghuni dan waris DIWAJIBKAN membuat saringan suhu badan di pondok pengawal keselamatan sebelum dibenarkan memasuki kampus.
9. Penghuni dan waris yang didapati bacaan suhu badan melebihi atau sama dengan 37.5°C atau bergejala Covid-19 (demam, batuk, selsema dan sesak nafas) tidak dibenarkan memasuki kampus;
10. Peraturan lalulintas dan kenderaan pelajar di dalam kampus sedia ada perlu dipatuhi. Hanya kenderaan yang dibawa oleh waris/penjaga sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus;

11. Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang disediakan semasa berada di kampus termasuk penggunaan ruang parkir yang ditetapkan;
12. Pelajar perlu memakai kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
13. Pelajar perlu melaporkan diri di kaunter kolej kediaman yang disediakan dengan:
 - a. Scan QRcode MySejahtera
 - b. Menyerahkan borang saringan kesihatan
 - c. Mengemukakan surat tawaran, kunci bilik dan slip bayaran yuran
 - d. Mendapatkan pelekat kolej kediaman
14. Penjaga / pengiring **TIDAK DIBENARKAN** memasuki kawasan blok kediaman dan bilik pelajar;

SELEPAS

15. Melaporkan sebarang kerosakan ke Unit Pengurusan Kolej Kediaman dengan segera.
16. Pelajar perlu mengamalkan amalan baharu seperti memakai pelitup muka, penjarakan sosial (1 meter) dan kerap membasuh tangan.
17. Sentiasa mematuhi Garis Panduan Kolej Kediaman PSIS.



ISHANUDDIN BIN HUSSIN
Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah
Sabak Bernam, Selangor

21.07.2020

BORANG SARINGAN KESIHATAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN, PSIS

BORANG SARINGAN KESIHATAN PELAJAR

Yang Dihormati Tuan / Puan,

Bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 dikalangan komuniti kami dan juga orang lain, pihak kami perlu menjalankan soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan. Penglibatan pihak tuan/puan dalam mengisi soal selidik ini adalah penting bagi membolehkan pihak kami mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam premi ini.

Kerjasama dari tuan/puan amat dihargai. Terima Kasih

Nama :	Nombor telefon :
No. Kad Pengenalan / No. Passport* :	Waganegara :
Organisasi (Jika berkenaan) :	
Lokasi : Pejabat Kolej Kediaman	
Bacaan Suhu Badan :	Dicatat oleh (Nama Pegawai) :

PENGISYIHKAN KESIHATAN

- 1 Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda :

Demam	Batuk	Sakit Tekak	Sesak Nafas
Lain-lain _____			
- 2 Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang kluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Pesakit dibawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu?

Ya	Tidak
----	-------
- 3 Pernahkah anda ke Negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu?

Ya	Tidak
----	-------

Jika Ya, sila nyatakan negara atau kawasan tersebut : _____

Tandatangan: _____

Tarikh : _____

*Nota : Maklumat ini akan digunakan untuk mengesan kontak jika diperlukan.

BORANG SARINGAN KESIHATAN WARIS

Yang Dihormati Tuan / Puan,

Bagi mengelakkan penyebaran COVID-19 dikalangan komuniti kami dan juga orang lain, pihak kami perlu menjalankan soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan. Penglibatan pihak tuan/puan dalam mengisi soal selidik ini adalah penting bagi membolehkan pihak kami mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam premi ini.

Kerjasama dari tuan/puan amat dihargai. Terima Kasih

Nama :	Nombor telefon :
No. Kad Pengenalan / No. Passport* :	Waganegara :
Organisasi (Jika berkenaan) :	
Lokasi : Pejabat Kolej Kediaman	
Bacaan Suhu Badan :	Dicatat oleh (Nama Pegawai) :

PENGISYIHKAN KESIHATAN

- 1 Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda :

Demam	Batuk	Sakit Tekak	Sesak Nafas
Lain-lain _____			
- 2 Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang kluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Pesakit dibawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu?

Ya	Tidak
----	-------
- 3 Pernahkah anda ke Negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu?

Ya	Tidak
----	-------

Jika Ya, sila nyatakan negara atau kawasan tersebut : _____

Tandatangan: _____

Tarikh : _____

*Nota : Maklumat ini akan digunakan untuk mengesan kontak jika diperlukan.

Pelajar perlu mencetak dan mengisi maklumat dalam borang ini (kecuali bacaan suhu akan dicatat semasa di pondok keselamatan) dan dibawa bersama semasa datang ke Politeknik Sultan Idris Shah.